



## PEKELILING KHAS PENGURUSAN KPBKL BIL. 1 TAHUN 2020

**KEPADA : SEMUA WARGA KPBKL**  
**PERKARA : PERINTAH KAWALAN**  
**PERGERAKAN**

1. Pengurusan KPBKL memandang serius terhadap penularan wabak COVID-19 yang berada pada tahap pandemik. Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020, kerajaan telah mengisytiharkan **Perintah Kawalan Pergerakan** bermula **18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020**.

2. Oleh itu, Pengurusan KPBKL telah memutuskan perkara-perkara berikut:

**a) Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)**

Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 akan dilakukan secara dalam talian (*online*). Rujuk Garis panduan P&P seperti di Lampiran 1.

Semua pelajar diarahkan pulang ke rumah masing-masing bermula hari ini sehingga 31 Mac 2020 dan maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

**b) Penglibatan Warga KPBKL dalam Ijtimak Tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur**

Merujuk kepada memo berkaitan Wabak COVID-19 yang dikeluarkan pada 16 Mac 2020, jika terdapat Warga KPBKL yang menjadi peserta atau mempunyai kontak dengan ahli keluarga / kenalan yang menghadiri program tersebut **DIWAJIBKAN** membuat pemeriksaan kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah.

**c) Cuti Rehat dan Perjalanan Rasmi ke Luar Negara**

Perjalanan rasmi ke semua destinasi luar negara hendaklah **DITANGGUHKAN** sehingga dimaklumkan kemudian. Bagi Warga KPBKL yang baru pulang dari luar negara dinasihatkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan di pejabat kesihatan berdekatan dengan kadar segera sekiranya mempunyai simptom-simptom wabak COVID-19.

**d) Penganjuran Seminar, Persidangan, Wacana Akademik, Bengkel, Program, Kursus / Latihan atau Perhimpunan**

Semua penganjuran Seminar, Persidangan, Wacana Akademik, Bengkel, Program, Kursus / Latihan atau Perhimpunan yang telah diluluskan oleh Pihak Pengurusan KPBKL adalah **DITANGGUHKAN** sehingga dimaklumkan kemudian.

**e) Aktiviti Pelajar**

Semua penganjuran aktiviti pelajar sama ada di dalam atau luar KPBKL adalah **DITANGGUHKAN** serta merta sehingga dimaklumkan.

**f) Penutupan Perpustakaan**

Perpustakaan KPBKL akan ditutup bermula 17 Mac 2020 jam 4.00 petang sehingga 31 Mac 2020.

**g) Program Lawatan yang Melibatkan Pihak Luar**

Program lawatan yang melibatkan pihak luar/ luar negara ke KPBKL adalah **DITANGGUHKAN** sehingga diberitahu berkuatkuasa serta merta.

3. Sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan berkuatkuasa, Ketua Jabatan / Ketua Bahagian adalah dipohon untuk mengenalpasti tugas penting yang perlu dilaksanakan melalui kaedah bekerja dari rumah dengan menggunakan medium komunikasi dalam talian (*online*) seperti *whatsapp*, *telegram*, *social media online*, *e-mel* dan sebarang medium yang bersesuaian. Warga kerja perlu patuh kepada arahan Ketua Jabatan / Ketua Bahagian dari semasa ke semasa. Kehadiran ke pejabat hanya dibenarkan bagi tujuan-tujuan tertentu yang kritikal untuk masa-masa tertentu sahaja dan digalakkan dibuat secara penggiliran.
4. Warga KPBKL **DIWAJIBKAN** mematuhi arahan dan saranan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau pihak bertanggungjawab lain dari semasa ke semasa.

Kerjasama daripada semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**“KERANA ILMU ITU UNTUK BERBAKTI”**

Yang benar

**KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR**



**ROKIAH BINTI YUNUS**

Pendaftar

*s.k* : *Pejabat Rektor*

*Tarikh* : *17 Mac 2020*

*Ruj* : *E:HR DOCUMENT/Pekeliling IPB/2020/Pekeliling Khas Pengurusan Perintah Kawalan Pergerakan.docx*